

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YANG BERBAHAGIA

PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR

NAIB CANSELOR UiTM

SEMPENA

PELANCARAN BULAN INOVASI & KUALITI UiTM 2023

“MEREALISASIKAN DAYA TAHAN

MELALUI JAMINAN KUALITI”

25 OGOS 2023 | JUMAAT | 11 PAGI

YOUTUBE InQKA

Bismillahirrahmanirrahim.

Yang Berbahagia Profesor Dr. Azizah Abdullah
Penolong Naib Canselor,
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Universiti Teknologi MARA

Merangkap

Penasihat Jawatankuasa Majlis Pelancaran Bulan Inovasi
dan Kualiti UiTM 2023

**Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Kamarularifin Abd
Jalil**

Pengarah Unit Jaminan Kualiti Akademik, InQKA

Merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Majlis Pelancaran Bulan Inovasi
dan Kualiti UiTM 2023

Barisan Pengurusan Eksekutif Universiti Teknologi MARA,

Barisan Pengurusan InQKA,

Para Pensyarah serta seluruh warga UiTM sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadrat Illahi atas limpah rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam **Majlis Pelancaran Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2023.**

2. Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menjayakan Bulan

Inovasi dan Kualiti UiTM 2023 serta majlis pelancarannya ini.

3. Sambutan yang diadakan pada setiap tahun ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran warga Universiti terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja, pembudayaan ciri-ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan, mempelbagaikan dimensi kreativiti dan inovasi dalam prosedur kerja serta meningkatkan kecekapan ke arah peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan pemegang taruh.

Para hadirin sekalian,

4. “Merealisasikan Daya Tahan Melalui Jaminan Kualiti” merupakan tema yang berkisar pada konsep membina dan mengekalkan daya tahan Universiti melalui pelaksanaan jaminan kualiti yang berkesan. Kita perlu memastikan sistem dan proses kerja dipatuhi berdasarkan garis panduan dan polisi dalam usaha mencapai hasil yang berkualiti tinggi secara konsisten.

5. Daya tahan sesebuah universiti berkait rapat dengan keupayaan universiti untuk menyesuaikan diri dan berkembang maju dalam menghadapi pelbagai cabaran. Cabaran ini merangkumi tekanan kewangan, kemajuan teknologi, perubahan demografi pelajar, penularan wabak, mahupun perubahan dasar kerajaan.

6. Justeru, Membina daya tahan adalah penting dalam memastikan kemampunan jangka panjang dan kejayaan Universiti bertepatan dengan konsep 3R yang telah diperkenalkan sebelum ini iaitu *Reset*, *Recover* dan *Restore*.

7. *Reset* target mengikut keadaan semasa, *Recover* semua sumber dan peluang yang kita tidak dapat lakukan sebelum ini disebabkan oleh cabaran lalu dan *Restore* iaitu menjalankan perancangan dengan sedikit pelarasan untuk mendapatkan kepercayaan pemegang taruh. Ia perlu dititikberatkan dalam memastikan Universiti ini berdaya tahan.

8. Sehubungan itu, beberapa aspek berikut perlu ditekankan oleh semua warga Universiti.

9. **Pertama;** kita perlu cepat menyesuaikan diri dengan perubahan landskap pendidikan. Ini termasuk bersikap terbuka kepada kaedah pengajaran yang inovatif, dengan mengadaptasi teknologi dan trend baharu dalam pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan.

10. **Kedua;** kita perlu meneroka kepelbagaian sumber kewangan, termasuk geran penyelidikan, endowmen, kolaborasi bersama pihak industri, institusi pengajian tinggi lain dan alumni.

11. **Ketiga;** semua ketua jabatan perlu proaktif dalam mengenal pasti cabaran, membuat keputusan dengan mengambil kira kesan kepada semua pihak melalui komunikasi berkesan.

12. **Keempat;** kita mesti mengutamakan keperluan dan kesejahteraan pelajar dengan menawarkan perkhidmatan sokongan, sumber kesihatan mental dan persekitaran pembelajaran kondusif yang dapat membantu pelajar, sepanjang tempoh pengajian dan,

13. **Kelima;** kita mesti menilai potensi risiko secara kerap dan membangunkan pelan luar jangka untuk membantu warga Universiti bertindak balas secara berkesan kepada cabaran yang tidak dijangka. Ini termasuk merangka pelan

strategi untuk kesinambungan operasi Universiti dalam apa juu keadaan.

14. Secara keseluruhannya, membina daya tahan di sesebuah universiti melibatkan pendekatan proaktif dan holistik yang merangkumi pelbagai aspek operasi universiti, tadbir urus dan budaya kerja yang berkualiti.

Warga UiTM yang dikasihi sekalian,

15. Selaras dengan pembangunan pesat *mega trend* dunia yang menjurus pada tiga perubahan utama iaitu *High Arts, High Tech* dan *High Touch*, warga Universiti digalakkan untuk menghasilkan inovasi dan menggunakan kreativiti dalam membuat perubahan dan

penambahbaikan dalam kaedah, prosedur serta cara kerja sehari-hari.

16. Diharap penganjuran bulan Inovasi dan Kualiti ini dapat membantu warga UiTM dalam mengembangkan dan menyebarluaskan hasil kreativiti dan inovasi. Saya yakin, usaha murni ini selari dengan aspirasi Kebolehpasaran Global ke arah mencapai hasrat UiTM dalam menjadi universiti yang dikenali dunia menjelang tahun 2025.

17. Pihak Universiti akan sentiasa memberi pengiktirafan buat warga Universiti yang membuat penambahbaikan dalam meningkatkan produktiviti melalui kreativiti, teknologi dan inovasi.

18. Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*,
saya melancarkan **Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2023**.

Sekian,

**Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**